

BAHASA: KAITANNYA DENGAN BUDAYA DAN DAYA KREASI BANGSA

Dr. Muhammad Saiful Haq bin Hussin

PENDAHULUAN

Kemajuan dunia hari ini sedang berkembang dengan pesatnya, khususnya dalam bidang teknologi maklumat. Malaysia juga tidak ketinggalan dalam hal ini, lantaran itulah wujudnya 'Koridor Raya Multimedia'. Era ledakan maklumat yang sedang kita lalui hari ini dijangka akan tamat pada awal abad ke 21. Mengikut ramalan yang dibuat oleh ahli-ahli strategi Jepun tempatnya nanti akan diambil alih oleh kemunculan 'Era Kreasi', dalam era ini nanti maklumatlah yang akan menjadi persaingan antara bangsa-bangsa dan negara-negara di dunia, tetapi di dalam Era Kreasi nanti, daya kreasi dan keupayaan inovasi sesuatu bangsa dan negara pula yang akan menjadi senjata persaingannya. Untuk melihat sejauhmanakah kepentingan kreativiti dan inovasi kepada daya persaingan sesuatu bangsa pada masa sekarang dan pada masa akan datang, kita lihat langkah-langkah yang telah diambil oleh negara Jepun dan negara-negara Kesatuan Eropah.

Kerajaan Jepun, melalui Institut Penyelidikan Nomira di Tokyo telah menjalankan penyelidikan melalui *Megatheme Research Projection Committee* dengan matlamat untuk menggubal strategi persaingan dan survival bagi bangsa Jepun di dalam menghadapi kemungkinan-kemungkinan yang mereka ramalkan sebagai kedatangan Era Kreasi, iaitu era yang akan muncul apabila era maklumat tamat pada awal abad yang ke 21. Laporan

tersebut telah mengenal pasti bahawa daya kreasi dan keupayaan inovasi akan menjadi strategi yang paling penting bagi memastikan survival korporat-korporat Jepun. Dalam laporan itu telah disyorkan, supaya bangsa Jepun mampu mencipta idea-idea kreatif dan inovatif pada kadar yang lebih laju dan lebih banyak berbanding dengan keupayaan bangsa-bangsa lain di dunia. Dengan ini juga sekali gus akan menjadikan Jepun sebagai negara yang mendahului negara-negara lain di dunia. Dalam hal ini juga bangsa Jepun perlulah melakukan beberapa perubahan budaya serta mencipta sistem-sistem komputer bagi membantu pencetusan-pencetusan idea-idea kreatif.

Manakala negara-negara di dalam Kesatuan Eropah pula telah menjalankan penyelidikan mereka melalui projek-projek IRDAC (*Industrial Research and Development Advisory Committee of the Commission of European Communities*) dan ERT (*European Round Table of Industrialists*). Melalui laporan-laporan daripada kedua-dua projek penyelidikan itu dengan seriusnya memberikan prioriti yang amat tinggi kepada program-program pembangunan daya kreasi dan keupayaan inovasi dalam kalangan negara-negara Kesatuan Eropah sebagai strategi mengekalkan daya saing mereka. Dalam hal ini negara Jerman lah yang paling serius mengambil perhatian ke atas syor kedua-dua laporan IRDEC dan ERT itu, dalam menangani soal tersebut seorang menteri dalam kabinet Jerman telah dilantik, dengan tugas untuk membangunkan dan mengembangkan daya inovasi seluruh bangsa Jerman, iaitu seolah-olah “menteri bagi masa depan Jerman.”

Daripada pengenalan tersebut, perbincangan kita ini akan melihat bagaimanakah kaitan antara Bahasa Melayu dan strategi pembinaan daya kreasi bangsa Melayu khususnya, dan negara Malaysia amnya, menjadi sangat relevan dan perlu diberi perhatian yang serius.

Ini berdasarkan kepada keyakinan bahawa daya kreativiti sesuatu bangsa boleh diurus sebagaimana sumber-sumber lain dapat diurus. Dengan andaian itu maka dicadangkan cara bagaimana Bahasa Melayu berperanan secara strategi sebagai alat yang dapat digunakan untuk merangsang, membangun, memupuk, dan menuai kreativiti bangsa Melayu khususnya dan bangsa Malaysia amnya.

JENIS-JENIS KREASI

Untuk melihat peranan Bahasa Melayu dan strategi pembinaan daya kreasi dan keupayaan inovasi sesuatu bangsa, kita akan membezakan tiga jenis kreasi, iaitu;

Kreasi individu, yakni kreasi yang dihasilkan oleh individu untuk menerbitkan ciptaannya. Di Barat, para penyelidik kreativiti mereka seperti de Bono, Wallace, Gordon, Bruner dan Guilford telah mendominasi teori-teori dan teknik-teknik untuk mengembangkan daya kreasi individu. Ini sejajar dengan ciri-ciri masyarakat Barat yang individualistik. Pakar-pakar kreativiti Barat berpegang kepada andaian bahawa sesebuah masyarakat akan menjadi kreatif hanya apabila terdapat banyak individu yang kreatif, seperti Edison, Bell, Jobs dan Gates, dalam kalangan mereka. Dengan andaian tersebut, mereka mencipta pelbagai teori dan teknik pemikiran kreatif untuk digunakan oleh individu.

Di Jepun pula, penyelidik-penyelidik mereka yang terkenal seperti Akira Onda, Kawakita, Yuji Harasaki, Yoshiya Sinagawa dan Taku Ibuki juga telah menjalankan kajian masing-masing dan mencipta teknik-teknik pemikiran kreatif yang digali daripada

budaya Jepun sendiri, bertujuan untuk mengembangkan bakat kreativiti para pelajar, ahli sains, jurutera dan para penyelidik di negara itu. Sebagai contoh, Onda telah membuat penyelidikan dalam pendekatan mengajar kreativiti melalui penggunaan origami. Beliau mengkaji kaitan antara Zen, Buddhisme, dan falsafah budaya Jepun dengan daya kreativiti. Beliau menggunakan seni origami sebagai cara merangsang kreativiti dalam kalangan pelajar-pelajar sekolah kerana seni itu melatih mereka menumpukan fikiran dan merangsang intuisi, iaitu dua unsur penting dalam daya kreativiti. Untuk merangsang kreativiti dalam kalangan orang-orang dewasa, caranya ialah melalui meditasi. Sumbangan beliau yang berharga ialah dalam penciptaan metodologi daya cipta aliran timur.

Kreasi kelompok ialah hasil proses sinergi antara kreativiti sekumpulan individu sehingga menghasilkan kreasi secara berkumpulan. Bidang penyelidikan kreativiti kelompok didominasi oleh pakar-pakar Jepun seperti Isao Kon, Shuji Honjo, Takeshi Oe, Tashio Hattori, Shimichi Nakayama, Hideki Yukawa, Masanobu Shintami, Nabuyoshi Umezawa, dan Kanehisa Harashima. Isao Kon mengemukakan sistem yang melihat sesuatu kumpulan individu sebagai satu sistem yang beroperasi melalui pengagihan peranan dalam kalangan komponennya. Pembentukan subkumpulan telah diusulkan bagi meminimumkan konflik di antara keperluan-keperluan individu dengan keperluan-keperluan kumpulan. Setiap subkumpulan terdiri daripada beberapa ahli sahaja. Perbincangan demi perbincangan dalam tiap-tiap subkumpulan akan menghasilkan persetujuan pendapat dan seia sekata pada peringkat kumpulan besar. Kaedah ini dinamakan kaedah KPS. Matlamatnya ialah mencipta komunikasi dinamik intrakumpulan melalui pembahagian anggota kumpulan ke dalam tiga kelompok iaitu ketua-ketua panel,

anggota-anggota panel dan lain-lain anggota. Tiap-tiap kelompok memainkan peranan yang berbeza. Melalui kaedah ini kumpulan akan mencipta konsep dengan berfikir secara mencapah dan menjurus sebanyak tiga kali berturut-turut. Isao Kon mengusulkan supaya setiap organisasi menubuhkan kumpulan berfikir yang bertugas melakukan kegiatan KPS untuk meningkatkan daya kreasi organisasi. Kaedah KPS ini berbeza daripada teknik 'brain-storming' kerana kaedah ini membezakan peranan-pertanan subkumpulan, juga kerana kaedah ini bersistem dan dilakukan secara berterusan, manakala 'brain-storming' dibuat oleh satu kumpulan, tanpa berterusan dan tidak berterusan.

Kreasi organisasi pula adalah hasil daripada perkaitan antara kreasi kelompok dengan teknologi, produk, sistem, dan perniagaan korporat sebenar. Di Jepun, aktiviti-aktiviti kreasi kumpulan dan kreasi organisasi diurus secara formal kerana kedua-dua aktiviti ini memang boleh diurus, manakala aktiviti kreasi individu tidak sedemikian. Inilah puncanya mengapa penyelidikan bidang kreasi kumpulan dan kreasi organisasi didominasi oleh pakar-pakar dari Jepun, bukan oleh pakar-pakar dari Barat.

MEMBINA DAYA KREASI CARA BARAT

Budaya Barat adalah budaya yang menganuti dan mengamalkan nilai-nilai individualisma. Budaya itu memuja individu dan amat yakin akan kudrat individu sebagai pemacu pembangunan kreasi masyarakat. Kreasi Barat dipacu oleh kehadiran individu-individu genius seperti Watson, Bell, Edison, Ford, Jobs, Gates, Einstein dan banyak lagi. Individu-individu seperti mereka membekalkan masyarakat Barat dengan idea-idea kreatif mereka. Idea-idea tersebut kemudiannya dibekalkan kepada dunia. Dengan latar

belakang seperti itu, maka tidak hairanlah apabila budaya Barat yang individualistik memberi fokus kepada penyelidikan di bidang kreasi individu kerana Barat yakin bahawa semakin banyak individu yang kreatif dapat mereka lahirkan, bermakna masyarakat Barat akan menjadi lebih kreatif. Itulah sebabnya pakar-pakar Barat telah mencipta pelbagai teknik untuk menguji dan mengukur daya kreativiti individu. Mereka banyak juga mengkaji ciri-ciri peribadi individu-individu yang sangat kreatif. Di samping itu mereka telah mencipta pelbagai teknik berfikir yang boleh digunakan oleh individu untuk menerbitkan idea-idea kreatif. Budaya Barat juga telah mengkaji faktor-faktor yang mendorong individu menjadi kreatif atau tidak kreatif. Salah satu faktor yang mereka kaji dan utamakan ialah sistem ganjaran kepada individu kreatif. Hasilnya, pakar-pakar Barat berjaya mengenalpasti jenis-jenis ganjaran dan kaedah pemberian ganjaran kepada individu yang berkesan untuk mendorong daya kreasinya. Pakar-pakar di sana juga telah berjaya mengenalpasti faktor-faktor psikologi yang mendorong kreativiti seperti estimasi diri dan kebebasan untuk mengambil risiko. Ringkasnya ialah, model Barat adalah model yang memuja kudrat individu.

Nilai-nilai individualisme Barat, khususnya budaya Amerika, ditambah pula dengan sifatnya sebagai suatu bangsa yang mendorong keberanian mengambil risiko, semangat keusahawanan, dan pendewaan kecemerlangan individu budaya Amerika telah melahirkan 180 pemenang Hadiah Nobel dan lebih daripada 80 orang adalah pemenang dalam bidang kimia dan fizik, manakala Jepun hanya berjaya melahirkan empat orang sahaja. Hadiah Nobel ini juga telah menjadikan Amerika sebagai pencipta idea-idea dan produk-produk yang sangat kreatif dan radikal sifat-sifatnya untuk dibekalkan kepada seluruh dunia dengan Amerika sebagai pencipta yang utama. Kebanyakan Hadiah Nobel

untuk kategori invensyen dimenangi oleh pereka-pereka dari Amerika, manakala kebanyakan kategori saintifik telah dimenangi oleh saintis-saintis Eropah. Walau apapun nilai-nilai individualisme adalah sinonim dengan masyarakat Barat.

MEMBINA DAYA KREASI CARA JEPUN

Di Jepun, keadaannya sangat berbeza. Bangsa Jepun tidak melahirkan individu-individu genius. Dalam sejarah Jepun tidak ada nama-nama agung seperti “Bell,” “Edison,” “Ford,” dan “Gates.” Namun begitu nama-nama seperti Honda, Toyota, Matsushita, Mitsubishi dan banyak tokoh lagi bukanlah merupakan manusia-manusia genius. Mereka adalah manusia-manusia biasa. Keadaan ini lahir adalah kerana nilai-nilai kolektivisme yang dianuti dan diamalkan oleh masyarakat Jepun. Nilai-nilai kolektivisme tidak membenarkan seseorang individu menjadi genius. Di negara itu, kanak-kanak yang memiliki ciri-ciri genius tidak diberi apa-apa layanan istimewa. Malah mereka diasuh supaya belajar menjadi serupa dengan kanak-kanak lain. Di sana tidak ada sekolah-sekolah khas untuk kanak-kanak pintar. Semua kanak-kanak belajar bersama-sama.

Masyarakat korporat Jepun menganut sikap yang sangat terbuka kepada idea-idea baru. Kari dan Emden melaporkan bahawa lebih 80 peratus daripada semua pekerja Jepun pernah mengemukakan cadangan-cadangan kreatif. Lorrinan dan Kenjo melaporkan, dalam tempoh setahun Matsushita menerima 6.5 juta cadangan, Hitachi menerima 4.6 juta cadangan, dan Mazda menerima 3.0 juta cadangan. Idea-idea itu dikemukakan baik oleh individu mahupun oleh kumpulan-kumpulan petugas. Tidak seperti masyarakat Barat yang memuja idea-idea dan pendapat-pendapat individu, oleh sebab itu mereka

memberikan ganjaran besar kepada individu-individu, sebaliknya masyarakat Jepun tidak suka individu yang menonjol-nonjolkan dirinya. Oleh itu orang-orang Jepun tidak mengaku bahawa idea itu adalah ideanya. Mereka akan berkata seperti “Ada orang berpendapat...” atau “Saya pernah mendengar idea supaya...” atau “Kata orang...” Seolah-olah idea itu bukan idea mereka sendiri.

Bangsa Jepun suka berfikir secara berkumpulan. Setiap anggota kumpulan tekun mendengar apa-apa yang dicadangkan oleh anggota-anggota lain. Mereka akan mengembangkan lagi idea-idea yang mereka dengar. Mereka bersikap konfirmis dan tidak suka menentang pendapat orang lain. Nilai-nilai kolektivisme budaya Jepun menyebabkan bangsa itu sangat mementingkan kata sepakat dan tolak ansur. Mereka tidak mementingkan ego. Bagi mereka menjaga dan mencapai matlamat serta kepentingan bersama adalah lebih penting daripada menjaga kepentingan individu. Oleh itu mereka tidak suka berbahas, berhujah dan bertentangan pendapat. Hasilnya, bangsa Jepun tidak mencipta banyak masalah dan faktor-faktor penghalang kepada pelaksanaan keputusan seperti hanya yang biasa berlaku dalam masyarakat Barat.

Dengan latar belakang budaya Jepun yang mengamalkan nilai-nilai kolektivisme, pakar-pakar kreativiti Jepun berjaya mencipta pelbagai kaedah dan teknik-teknik berfikir untuk digunakan secara berkumpulan bagi menerbitkan idea-idea kreatif. Pakar-pakar di negara itu juga berjaya mengenalpasti faktor-faktor persekitaran yang mendorong individu-individu bukan genius dapat mencetuskan banyak idea-idea kreatif secara berterusan dari masa ke semasa. Anugerah Tahunan Nikkei untuk Kecemerlangan Kreatif adalah

anugerah tertinggi kerajaan Jepun untuk inovasi dan diberikan kepada kumpulan, bukan kepada individu sebagaimana halnya dengan *Nobel Prize* di Barat.

Budaya kolektivisme Jepun telah membolehkan bangsa itu sangat cekap meminjam dan memperbaiki idea-idea dan teknologi yang dihasilkan oleh Barat dengan kadar kepantasan yang luar biasa, sehingga pada hari ini negara Jepun tidak ada apa-apa lagi yang hendak ditiru daripada Barat. Tetapi budaya Jepun yang menghargai nilai-nilai konformis menyebabkan Jepun tidak dapat menandingi Barat dalam menghasilkan idea-idea dan produk-produk yang benar-benar kreatif dan radikal sifatnya.

KAITAN ANTARA BAHASA DENGAN DAYA KREASI BANGSA

Bahasa mempunyai kaitan yang sangat rapat dengan daya kreativiti sesuatu bangsa. Di dalam setiap bahasa, terkandung nilai-nilai budaya masyarakat penutur asli bahasa itu. Di dalam bahasa Inggeris, terkandung nilai-nilai budaya individualisme. Manakala di dalam bahasa Jepun, Cina, Korea dan bahasa Melayu terkandung nilai-nilai budaya kolektivisme.

Kita dapati di dalam dunia ini, terdapat banyak negara yang mana elit politik negara itu telah memaksa rakyat peribuminya supaya menerima dan menggunakan bahasa-bahasa asing dan menganuti nilai-nilai individualisme Barat padahal mereka pada asalnya mengamalkan nilai-nilai kolektivisme. Elit politik itu berbuat demikian dengan harapan supaya masyarakat peribumi dapat maju dan berdaya kreasi seperti bangsa-bangsa Barat. Semua bangsa yang telah dijajah oleh bangsa-bangsa Barat iaitu Inggeris, Perancis, Portugis, dan Sepanyol telah dipaksa oleh elit politik peribumi mereka sendiri supaya

menganuti nilai-nilai individualisme Barat dan menggunakan bahasa-bahasa penjajah sebagai bahasa kemajuan dan ilmu. Seluruh benua Amerika Latin, benua India, dan negara Filipina yakin bahawa dengan menggunakan bahasa penjajah dan dengan mengamalkan budaya individualisme Barat, negara-negara bekas tanah jajahan akan menjadi bangsa yang maju dan berdaya kreasi. Namun, tidak satu pun di antara negara itu yang berjaya menjadi maju dan kreatif seperti bangsa-bangsa Barat yang mereka cuba tiru itu. Ada beberapa faktor yang mendorong kegagalan bahasa-bahasa bekas penjajah memajukan daya kreasi bangsa-bangsa yang meminjamnya.

Bahasa penjajah hanya dapat dipelajari dan dikuasai oleh elit kelas atasan dan kelas menengah di bandar-bandar utama sahaja. Bahasa ini tidak dapat dipelajari dan dikuasai oleh golongan miskin di bandar-bandar dan oleh penduduk luar bandar. Faktor-faktor ekonomi, budaya, dan persekitaran sosial menghalang majoriti rakyat di tanah bekas jajahan daripada menguasai bahasa asing. Di Malaysia sebagai contoh, bahasa Inggeris hanya dapat dikuasai oleh anak-anak daripada keluarga-keluarga kaya dan profesional di bandar-bandar utama di Kuala Lumpur, Petaling Jaya, dan Pulau Pinang, kerana ibu bapa mereka bercakap bahasa Inggeris di rumah. Anak-anak keluarga miskin di bandar-bandar, baik Melayu, Cina atau India, tidak berupaya menguasai bahasa Inggeris. Apatah lagi nasib anak-anak luar bandar. Fenomena begini wujud di seluruh dunia, bukan hanya di Malaysia sahaja.

Faktor di atas tadi menyebabkan ilmu-ilmu sains dan teknologi tidak dapat dipelajari oleh rakyat miskin dan rakyat di kawasan luar bandar, ini kerana ilmu-ilmu tersebut ditulis dan diajarkan dalam bahasa-bahasa bekas penjajah. Inilah faktor yang menyebabkan tidak ada

bahasa bekas penjajah yang berjaya memandaikan setiap lapisan masyarakat peribumi yang meminjamnya. Hanya mereka yang berasal daripada keluarga kaya dan profesional di bandar-bandar utama sahaja yang dapat membaca buku-buku sains dan teknologi dalam bahasa asing itu. Merekalah yang berjaya lulus dalam peperiksaan dan memasuki universiti. Fenomena ini sangat berbeza dengan apa yang berlaku di Jepun, di sana setiap buku baharu dari bahasa asing, khususnya buku-buku yang memberikan maklumat dan ilmu akan terus diterjemahkan ke dalam bahasa mereka, selewat-lewatnya dalam masa seminggu didapati buku-buku tersebut akan berada dipasaran.

Gejala kejahilan sains dan teknologi dalam kalangan rakyat miskin dan luar bandar akan menyebabkan jurang ekonomi dan sosial yang amat ketara antara golongan elit di bandar-bandar dengan rakyat terbanyak. Di negara-negara yang menggunakan bahasa asing sebagai bahasa pengantar pendidikan, terbukti bahawa bahasa asing menyebabkan hanya golongan kaya yang berpeluang mendapat pendidikan tinggi. Akibatnya, jurang antara golongan kaya dan golongan miskin menjadi bertambah parah dari semasa ke semasa. Golongan miskin tidak mampu menguasai bahasa asing, akibatnya mereka tidak mendapat pendidikan tinggi, dan mereka terus tinggal dalam kemiskinan. Golongan kaya pula mampu menguasai bahasa asing, dan mereka berpeluang mendapat pendidikan tinggi, akibatnya mereka menjadi bertambah kaya. Keadaan ini menyebabkan perang saudara antara tentera rakyat dan tentera kerajaan, lalu mencipta ketidakstabilan politik yang tidak pernah reda di negara-negara yang meminjam bahasa-bahasa bekas penjajah. Pemerintah negara-negara tersebut terpaksa membelanjakan wang yang banyak untuk membeli peluru bagi menembak rakyatnya sendiri atas nama memerangi “pemberontak”.

Keadaan politik yang tidak stabil menyebabkan ekonomi negara tidak dapat dibangun, dan negara tersebut terus kekal dalam kemunduran.

Penggunaan bahasa-bahasa bekas penjajah bukan hanya gagal memandaikan setiap lapisan masyarakat peribumi, gagal memajukan negara, dan gagal membawa keamanan dan kestabilan politik, bahkan bahasa-bahasa itu juga gagal mengembang daya kreasi elit cerdas pandai peribumi. Ada terdapat beberapa faktor juga yang menyebabkan perkara ini terjadi.

Penguasaan ke atas bahasa penjajah menyebabkan elit cerdas pandai hilang keyakinan terhadap kemampuan dirinya dan kemampuan diri bangsanya berbanding dengan kemampuan bangsa-bangsa yang menjajahnya. Sebagai contoh, dalam kalangan orang Melayu sendiri, cerdas pandai yang mendapat kelulusan universiti di Barat memandang rendah hasil-hasil karya akademik yang telah dihasilkan oleh ahli-ahli akademik Melayu sendiri, apatah lagi seandainya karya-karya itu diterbitkan dalam bahasa Melayu pula. Maka bertambah-tambahlah lagi mereka itu memandang rendah kepada penulis tersebut berserta dengan karya-karyanya sekali. Menurut cerita Abdullah Hassan, pernah beliau sendiri mendengar seorang Timbalan Naib Canselor universiti berkata di dalam sebuah majlis, bahawa satu artikel yang terbit dalam bahasa Inggeris mewakili nilai yang sama dengan enam buah artikel yang ditulis dalam bahasa Melayu. Di dalam suatu majlis lain pula beliau menceritakan, seorang Profesor Madya bidang teknologi berkata tanpa segan silu bahawa mustahil beliau boleh menghasilkan karya yang setanding dengan karya profesornya di luar negeri. Tanpa keyakinan pada ilmu, dan otak yang dimilikinya sendiri, maka elit cerdas pandai peribumi yang terdidik di dalam bahasa asing tidak lagi

memiliki keyakinan jiwa bahawa dirinya dan diri bangsanya berupaya menandingi daya kreasi bangsa-bangsa yang pernah menjajah mereka. Ini lah dia sikap dan mentaliti suatu bangsa yang dinamakan Melayu (golongan elit).

Penguasaan terhadap bahasa-bahasa penjajah telah menyebabkan elit cerdik pandai peribumi mengambil dan menganuti nilai-nilai induk budaya bahasa penjajah. Mereka menjadi pengagum, pemuja, dan pengamal nilai-nilai budaya asing yang bahasanya telah menjadi bahasa ekspresif mereka. Mereka berkeyakinan bahawa bahasa dan budaya asing itu jauh lebih baik daripada bahasa dan budaya peribumi. Mereka menjadi amat kritis terhadap bahasa dan budaya sendiri. Mereka melontarkan berbagai-bagai kritikan yang mencemuh dan memperlekeh-lekehkan bahasa dan budaya asal mereka. Padahal kritikan-kritikan itu hanyalah membuktikan betapa mereka tidak mempunyai pengetahuan tentang bahasa dan budaya mereka. Dengan sikap memandang rendah bahasa dan budaya peribumi, dan dengan mengeneipkan bahasa dan budaya bangsanya daripada jiwa mereka, elit cerdik pandai yang terdidik dalam bahasa-bahasa asing itu tidak lagi dapat memahami peluang-peluang kreatif yang tersedia di dalam dunia dan budaya peribumi. Sebagai contoh, sepandai-pandai elit India yang terdidik dalam bahasa Inggeris, mereka itu tidak pernah terfikir untuk mencipta periuk nasi elektrik, atau mencipta traktor kecil ala 'kubota', atau mencipta generator kecil, atau motosikal kecil yang kesemuanya itu bertujuan untuk menyelesaikan pelbagai masalah Asia. Sebaliknya, ciptaan itu dihasilkan oleh cerdik pandai bangsa Jepun yang mengekalkan bahasa dan budaya peribumi. Dengan ini, menunjukkan bahawa nilai budaya sesuatu bangsa itu tidak semestinya dapat mempengaruhi daya kreativiti dan inovasi sesuatu bangsa lain.

Penganutan nilai-nilai induk budaya Barat, menjadikan elit cerdik pandai peribumi menjadi pengagum pencapaian cerdik pandai Barat. Mereka menjadi kehairanan akan kepandaian orang-orang Barat mencipta pelbagai rekaan dan menyelesaikan masalah secara kreatif. Semakin tinggi kekaguman dan kehairanan mereka itu, semakin merosot keyakinan diri mereka, semakin mereka yakin mereka menjadi semakin tidak berupaya menandingi pencapaian cerdik pandai Barat. Mereka menjadi golongan cerdik pandai yang amat pasif. Apabila mereka menghadapi masalah, sikap mereka ialah menunggu sehingga masalah itu dapat dicarikan penyelesaian oleh cerdik pandai Barat. Akibatnya mereka berpuas hati dengan hanya menunggu Barat. Mereka sendiri tidak proaktif dalam menyelesaikan masalah mereka sendiri. Mereka hanya menjadi pengguna kepada penyelesaian-penyelesaian yang dicipta oleh Barat. Sikap yang amat mengagumi Barat menjadikan mereka tidak lagi kritis terhadap penyelesaian ciptaan Barat. Itulah sebabnya sepandai-pandai elit India, mereka tidak berupaya mengkritik teknologi Barat, dan kemudian memperbaiki dan memodifikasi ciptaan-ciptaan Barat. Mereka tidak mengkritik traktor-traktor, generator, dan motosikal ciptaan Barat yang terlalu besar untuk kegunaan di Asia. Akibatnya, jurutera-jurutera India yang terdidik di dalam bahasa Inggeris tidak terfikir untuk memperbaiki dan memodifikasi ciptaan-ciptaan itu supaya dibuat yang kecil-kecil bagi kegunaan alam Asia.

Ini berbeza dengan cerdik pandai bangsa Jepun dan Korea. Jurutera-jurutera Jepun telah berjaya mengecilkan saiz barang-barang ciptaan barat seperti traktor, generator dan motosikal, maka dengan itu mereka mencipta produk-produk edisi Asia yang sangat berjaya dalam pasaran. Oven-oven gelombang mikro ciptaan Barat saiznya sebesar almari, tidak sesuai dengan dapur-dapur rumah Asia. Jurutera-jurutera Korealah yang

mula-mula berjaya menghasilkan oven-oven yang kecil, lalu menghapuskan oven-oven edisi Barat dari pasaran dunia. Inilah kemampuan yang berjaya ditonjolkan oleh Asia dalam proses mengubahsuai dan memodifikasi sesuatu ciptaan yang telah dihasilkan oleh Barat.

Mengikut teori yang mengatakan dengan meminjam bahasa-bahasa yang besar dan maju, seperti bahasa-bahasa Inggeris, Perancis, Sepanyol, Brazil, dan Jerman, maka bangsa-bangsa yang meminjamnya pun akan ikut menjadi bangsa-bangsa yang besar dan maju telah dicuba selama ratusan tahun oleh negara-negara di Amerika Latin, selama berpuluh-puluh tahun oleh negara-negara Afrika, India, Pakistan, Bangladesh, Sri Lanka dan tidak ketinggalan Filipina. Hasilnya, sehingga hari ini, tidak ada walau sebuah pun di antara negara-negara itu yang menjadi negara besar dan maju. Teori itu sangat bertentangan dengan teori pembangunan ilmu dan intelek menurut ajaran al-Qu'ran, yang mana Allah telah dengan amat jelas memberitahu kepada manusia bahawa bahasa yang mesti digunakan untuk membangunkan sesuatu ummah ialah bahasa ibunda ummah itu, seperti firman Allah dalam surah Ibrahim ayat 4, mafhum-Nya:

yang bermaksud:

“Tiap Rasul yang kami utus semuanya memakai bahasanya sendiri, agar dapat menerangkan kepada umatnya dengan jelas dan terang. Ada orang yang dikehendaki oleh Allah menjadi tersesat dan ada yang mendapat hidayah. Tuhan maha perkasa lagi Maha bijaksana.”

Jadi, sebarang dasar yang menjadikan bahasa asing sebagai bahasa pengantar pendidikan bagi sesuatu bangsa adalah dasar yang terang-terangan melanggar ajaran Islam.

KAITAN ANTARA BUDAYA DENGAN DAYA KREASI BANGSA

Budaya sesuatu bangsa mempengaruhi nilai-nilai dan kesukaan bangsa itu terhadap benda-benda baru, idea-idea baru, dan kesanggupan mencuba perkara-perkara baru. Budaya juga akan mempengaruhi sejauhmana anggota-anggotanya diberi kebebasan mengkaji benda-benda baru, dan diberi kebebasan untuk mereka mengamalkan pendapat-pendapat dan pandangan-pandangan peribadi. Semakin banyak kebebasan seperti itu diberikan kepada anggota budaya tersebut, maka diyakini, semakin banyak idea-idea baru yang akan dihasilkan oleh mereka. Berdasarkan andaian begitu, kebudayaan Barat terutamanya kebudayaan Amerika, yang sangat individualistik, yang tidak gerun kepada risiko dan yang menghargai semangat keusahawanan adalah amat sesuai bagi menghasilkan idea-idea dan inovasi-inovasi yang radikal sifatnya.

Manakala budaya Jepun pula amat sesuai bagi penghasilan inovasi-inovasi yang bersifat evolusi iaitu pembaikan secara kecil-kecilan. Bangsa Jepun sangat kuat bekerja, penuh bertanggungjawab, berkemahiran, bercita-cita tinggi dan suka bekerja dalam kumpulan apabila menyelesaikan masalah. Namun, sifat-sifat kolektivisme dan gerun risiko menyebabkan anggota budaya Jepun tidak menghasilkan idea-idea yang radikal sifatnya. Namun, budaya Jepun yang kolektivis membolehkan bangsa itu mencapai produktiviti yang paling tinggi di dunia. Masyarakat Jepun amat menghargai pendidikan. Mereka seolah-olah memaksa anak-anak mereka mendapat markah yang tinggi di sekolah supaya mereka boleh memasuki universiti-univeristi yang terbaik di negara itu. Ijazah daripada universiti-universiti tersebut menjamin mereka diterima bekerja di syarikat-syarikat terbesar. Sekolah-sekolah di Jepun mendorong pelajar-pelajar menghafal fakta-fakta,

istilah-istilah, definisi-definisi dan prinsip-prinsip, dan tidak mendorong pelajar-pelajarnya mengembangkan kemahiran berfikir secara kreatif seperti mencetuskan idea, mencipta hipotesis, membuat spekulasi, membuat sintesis, berhujah, berbahas, dan menyelesaikan masalah. Sistem pendidikan Jepun memberi ganjaran apabila pelajar menunjukkan sikap patuh, teliti, berhati-hati dan konformis, bukan memberi ganjaran kepada inisiatif atau kepada pemikiran original. Tetapi sistem pendidikan negara itu juga memberi latihan matematik yang sangat baik dan memberi lebih banyak tumpuan kepada pendidikan ilmu-ilmu sains dan kejuruteraan dibandingkan dengan sistem pendidikan di Barat. Oleh hal yang demikian sistem pendidikan Jepun berupaya mengeluarkan lebih daripada 150.000 jurutera setahun dan dengan demikian budaya Jepun mempunyai asas yang penting bagi pembangunan teknologi.

Melihat kepada budaya Melayu pula kita akan dapati bahawa budayanya menganuti dan mengamalkan nilai-nilai kolektivisme, seperti yang terkandung di dalam banyak pepatah dan perbilangan Melayu, “Sepakat membawa berkat”, “Bulat air kerana pembentung, bulat manusia kerana muafakat” dan banyak lagi. Penjajahan Inggeris di Tanah Melayu telah melahirkan suatu kelompok Melayu yang menerima pendidikan mereka di dalam bahasa Inggeris. Pendidikan berbahasa Inggeris telah melahirkan elit sosial, politik, ekonomi, dan pentadbiran negara yang menggunakan bahasa Inggeris sebagai bahasa ekspresif mereka. Seseorang itu dikatakan menggunakan bahasa Inggeris sebagai bahasa ekspresif apabila dia menggunakan bahasa Inggeris untuk aktiviti berfikir, berkomunikasi, untuk menyatakan emosi, untuk bergurau, mencarut, dan melatah. Penguasaan bahasa Inggeris yang begitu tinggi mendorong pengambilan dan penganutan nilai-nilai individualisme Barat oleh elit Melayu itu. Oleh sebab golongan elit itu juga

menguasai kehidupan sosial, politik, ekonomi, dan pentadbiran tertinggi kerajaan maka mereka berkeupayaan memaksakan nilai-nilai individualisme Barat ke atas seluruh masyarakat Melayu melalui keputusan-keputusan yang mereka buat terutamanya melalui keputusan-keputusan politik dan pentadbiran.

Sebagaimana anggota-anggota masyarakat Barat amat yakin akan kudrat individu sebagai pemacu daya kreasi masyarakat, anggota-anggota elit Melayu berpendidikan Inggeris juga berkongsi keyakinan yang serupa. Pengambilan dan penganutan nilai-nilai individualisme Barat oleh kepimpinan politik Melayu hari ini amat menonjol, seperti yang tergambar di dalam strategi memilih hanya sekumpulan kecil individu-individu Melayu yang ditugaskan untuk memiliki saham dan seterusnya memacu kemunculan “korporat-korporat gergasi Melayu”. Strategi individualistik itu menggantikan strategi sebelumnya pada zaman Tun Razak yang berdasarkan pemilikan Melayu secara kolektif melalui saham kerajaan.

Pengambilan dan penganutan nilai-nilai individualisme juga dikesan pada strategi yang digunakan oleh Kementerian Pendidikan dalam usaha mengajar kemahiran berfikir secara kreatif di sekolah-sekolah. Kementerian hanya memilih silabus CORT ciptaan Edward de Bono, suatu silabus untuk digunakan secara individu. Teknik-teknik de Bono sudah diperkenalkan ke maktab-maktab perguruan dan ditaklimatkan kepada guru-guru sekolah. Walaupun de Bono bukanlah pakar tunggal bidang kreativiti dari Barat, tetapi teknik-teknik berfikir ciptaan pakar-pakar lain tidak diambil oleh Kementerian Pendidikan, padahal banyak daripada teknik-teknik itu adalah lebih produktif dan lebih praktikal daripada teknik “PO” ciptaan de Bono bagi tujuan menerbitkan idea-idea baru.

Kementerian juga tidak mengajarkan sebarang teknik berfikir yang bersifat kolektif, iaitu teknik-teknik yang digunakan apabila berfikir dalam kumpulan. Pakar-pakar kreativiti Jepun banyak mencipta teknik-teknik berfikir secara kolektif dan sejak akhir-akhir ini Barat sudah mula belajar teknik-teknik dari Jepun terutama sekali negara Jerman, walaupun budaya Amerika kurang berminat.

Nilai-nilai individualisme juga dapat dikesan pada usaha Kementerian Pendidikan untuk memberi layanan istimewa kepada pelajar-pelajar yang dikenal pasti sebagai pelajar pintar melalui ujian peperiksaan tahap satu mulai 1996. Ujian itu adalah berdasarkan keyakinan bahawa individu-individu itu mempunyai nilai yang lebih tinggi bagi masyarakat dibandingkan dengan pelajar lain. Oleh sebab itu Kementerian membuat pelaburan yang lebih besar ke atas kemajuan akademik mereka, meskipun bilangan mereka adalah amat kecil. Bagaimana pula dengan nasib pelajar yang gagal dalam ujian peperiksaan? Ke manakah halatuju mereka? Sedangkan kita selalu menuding jari ke arah mereka tanpa melakukan justifikasi yang adil.

Kabinet Malaysia pernah dalam satu peristiwa bersetuju memberi biasiswa kepada seorang pelajar di London keturunan ibu Melayu yang layak memasuki Universiti Oxford pada usia 12 tahun kerana memiliki IQ matematik yang sangat tinggi, dengan syarat beliau mesti pulang bertugas di Malaysia. Keputusan seperti itu juga mencerminkan kepercayaan yang sangat tinggi kepada individu prodigi. Tetapi, malangnya manusia prodigi hanya wujud dalam dua jenis pengetahuan simbolik, iaitu matematik dan muzik. Kepintaran jenis ini bersifat tunggal. Ertinya, prodigi matematik hanya amat pintar matematik, yang lain-lain mereka adalah kanak-kanak biasa. Secara am orang keliru

antara manusia “genius” dan “prodigi”. Genius adalah gabungan pengetahuan, kepintaran dan kreativiti. Misalnya, seperti Bell, Einstein, Newton, Edison, Ford, dan Gates adalah contoh manusia-manusia genius. Tidak seorang pun daripada mereka itu pernah menjadi kanak-kanak prodigi. Prodigi ialah kanak-kanak yang boleh melakukan fungsi orang yang jauh lebih tua usianya. Contoh prodigi ialah Safiah Farooq. Yang berharga kepada kreativiti masyarakat ialah genius, bukannya prodigi. Oleh itu harapan kita ialah agar lebih ramai manusia Melayu yang bersifat genius yang akan lahir nanti.

CABARAN ERA ABAD KREASI

Mengikuti ramalan ahli strategi Jepun menyatakan bahawa Era Maklumat akan tamat pada awal abad ke-21 dan tempatnya akan digantikan oleh Era Kreasi (*Age of Creation*), bukti kemunculan era baru itu sudah pun wujud pada masa ini. Apabila ramalan ini benar, bermakna pada tahun 2020 nanti, Era maklumat sudah berlalu manakala Era Kreasi sudah mapan (*established*). Pada saat-saat majoriti bangsa Melayu sedang terkial-kial memahami dan menyesuaikan diri dengan Era Maklumat, Jepun sudah siap dengan strategi bagi mencipta dan menghadapi era Kreasi. Lantaran itulah maka bangsa Melayu perlu menubuhkan sekumpulan ahli strategi yang memiliki mentaliti Jepun yang bertindak “merancang bukan sekadar untuk hari esok, tetapi juga untuk selepas hari esok”.

Industri maklumat sebenarnya tidak mencipta maklumat, tetapi mencipta cara-cara dan peralatan-peralatan yang membolehkan maklumat-maklumat dihantar dan disebarkan dengan pantas. Meskipun industri maklumat tidak mencipta maklumat, tetapi

penghantaran dan penyebaran maklumat membolehkan penggunaan maklumat meningkat dengan banyaknya, dan dengan itu membantu menaikkan produktiviti. Aktiviti utama dalam industri maklumat ialah pengurusan maklumat. Pada peringkat masyarakat, era maklumat mencipta masyarakat maklumat.

Dalam era kreasi nanti, aktiviti kreasi akan mendapat peranan-peranan dan nilai-nilai baru sama sekali. Tumpuan akan diberikan kepada kreativiti, sebagaimana yang belum pernah disaksikan sebelumnya. Di dalam bidang industri umpamanya, Sebaliknya, syarikat-syarikat akan hanya mengurus maklumat-maklumat yang berorientasikan kreasi, atau istilah yang telah dicipta untuknya iaitu *creagement*. Dalam abad ke-21, pengurusan akan difokuskan kepada pemerangsangan motivasi individu untuk merealisasikan potensi kreatifnya secara optima, supaya dengan itu dia akan meningkatkan penghasilan output kreatif pada peringkat organisasi.

Di Jepun untuk merangsang rakyatnya, negara itu sudah mengenal pasti beberapa strategi. Antara pelbagai strategi itu ialah mencipta sistem-sistem komputer yang berfungsi sebagai pembantu kepada pemikiran kreatif tenaga kerja negara itu. Di dalam era maklumat, komputer membantu kita untuk mendapatkan, menghantar dan menyebarkan maklumat. Di dalam Era Kreasi nanti, komputer akan membantu aktiviti berfikir untuk berkreasi. Bayangkan keadaan ini: seorang jurutera yang baru bekerja selama satu tahun di dalam sebuah organisasi Jepun, sudah bekerja seolah-olah beliau memiliki pengetahuan, pengalaman dan kepakaran seorang veteran yang berpengalaman selama sepuluh tahun. Inilah gambaran pekerja Jepun dalam Era Kreasi.

Pada masa itu tugas mencipta idea-idea baru hanya dapat dibuat oleh otak manusia. Jurutera-jurutera Jepun hari ini sedang tekun mencipta sistem-sistem komputer yang mampu menolong keupayaan otak manusia Jepun untuk mencipta pelbagai idea baru dengan lebih cepat, lebih banyak dan lebih bermutu. Dalam era maklumat manusia bergantung kepada komputer. Dalam Era Kreasi, manusia akan bergantung kepada sistem bantuan berfikir yang disebut “konseptor”. Nama konseptor datang daripada kefahaman bahawa suatu idea ialah suatu konsep. Sistem konseptor mengandungi pengkalan data berkenaan semua pengetahuan, *know-how*, idea-idea pakar setiap teknikal, proses-proses yang dilakukan pada pembangunan produk-produk baru, maklumat berkenaan semua uji kaji yang pernah gagal, serta maklumat-maklumat teknikal terbaru, semuanya tersimpan dalam bentuk teks. Sebagaimana robotiks dan automasi mengurangkan penggunaan tenaga manusia di dalam kilang, sistem konseptor akan mengurangkan tenaga manusia dalam aktiviti kreasi idea di jabatan pembangunan produk. Dengan bantuan sistem ini seorang jurutera amatir di Jepun akan dapat berfikir dan bekerja secepat seorang veteran. Kerja-kerja pembangunan sistem ini sudah dimulakan oleh korporat-korporat Jepun sebagai salah satu strategi utama negara itu menjelang Era Kreasi abad ke-21.

Sudah sekian lamanya didapati Barat menjadi pencipta konsep-konsep dan produk-produk untuk seluruh dunia. Negara Jepun sekarang sudah berjaya meniru konsep-konsep dan produk-produk Barat dengan kepantasan yang luar biasa sehingga pada hari ini Jepun sudah tidak tahu lagi yang mana hendak ditiru dari Barat. Dengan ini memaksa Jepun untuk menjadi pencipta konsep-konsep dan produk-produk baru untuk seluruh dunia. Jadi Jepun terpaksa mencipta bidang-bidang baru sama sekali untuk menghasilkan perniagaan-perniagaan baru, sistem-sistem baru, dan produk-produk baru. Situasi begini

telah menekan Jepun untuk memberi fokus kepada proses-proses kreasi yang menjadi komponen utama di dalam usaha itu kerana negara itu bertekad untuk menjadi pemimpin Era Kreasi. Ini mungkin menjadi satu kenyataan.

Dalam hal ini, pakar-pakar strategi Jepun telah mengenal pasti pelbagai strategi untuk meningkatkan daya kreasi bangsa Jepun, khususnya dalam kalangan tenaga kerja negara itu. Antara strategi tersebut ialah mencipta teori-teori dan teknik-teknik, mencipta kemunculan syarikat-syarikat yang intens kreasi, menjalankan program pendidikan kreasi bagi seluruh tenaga kerja, memberi kebebasan yang lebih banyak kepada mereka, merombak amalan pengurusan di Jepun hari ini, mendorong keberanian mencuba dan melakukan kesilapan, meningkatkan toleransi ke atas kegagalan, tidak menggalakkan campur tangan pengurusan ke atas perjalanan projek-projek kreasi, menghormati suara-suara sumbang, memberi tempat kepada manusia maverik, meleperkan lagi struktur organisasi, menurunkan lebih banyak kuasa kepada pekerja muda, melantik lebih banyak pengurus muda, memberi ganjaran kepada usaha individu, dan banyak lagi.

BAHASA MELAYU DAN CABARAN MASA DEPAN

Sekiranya bahasa Melayu dapat dijana dengan baik, dan dapat mengungkapkan dengan tepat istilah-istilah yang diperlukan dalam bidang teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) maka adalah tidak mustahil bahasa Melayu akan dapat memenuhi keperluan yang dikehendaki. Malah tidak keterlaluan kalau dikatakan suatu hari nanti bahasa Melayu akan muncul sebagai bahasa dunia, sekiranya ia dirancang dengan baik dan teliti berdasarkan kepada sejarah pertumbuhan dan perkembangannya. Sehingga sekarang

didapati bahawa telah banyak istilah-istilah dicipta untuk memenuhi keperluannya dalam bidang ICT.

Bahasa Melayu ialah bahasa yang maju, bukan baru sekarang tetapi sejak abad ke-16 dan abad ke-17 lagi (pernah muncul sebagai *lingua franca*). Dan dalam tahun-tahun 80-an kedudukan bahasa Melayu amat teguh. Bahasa Melayu menjadi bahasa kebangsaan dan bahasa rasmi, bahasa pengantar di institusi-institusi pengajian dan bahasa perhubungan rakyat jelata. Bahasa Inggeris menjadi bahasa perhubungan dengan dunia luar dan bahasa sumber ilmu pengetahuan.

Tetapi cara kita memajukan bahasa ini seolah-olah memberikan gambaran kepada orang lain bahawa bahasa ini tidak maju atau belum maju. Usaha kita selama 50 tahun ini kebanyakan bertumpu kepada usaha untuk membina korpus bahasa, yakni, mencipta kata-kata dan istilah baru, dan sebagainya. Usaha ini memang perlu dan kejayaan yang telah dicapai sungguh besar. Dikatakan, misalnya bahawa jumlah istilah yang telah dibentuk dalam bahasa Melayu yang telah melebihi ke angka 1 juta. Tetapi, setelah kejayaan ini dicapai, hari ini orang masih bertanya; apakah peranan bahasa Melayu dalam pembangunan negara ini. Timbul soal baru-baru ini bahawa siswazah yang terdidik dalam bahasa Melayu sahaja dan tidak menguasai bahasa Inggeris tidak mempunyai nilai ekonomi dan sukar mendapat pekerjaan. Sudah timbul juga pertanyaan di kalangan orang Melayu sendiri bahawa pendidikan dalam bahasa Melayu merugikan anak-anak Melayu. Kemerosotan mutu penggunaan bahasa Melayu, baik dalam komunikasi biasa mahupun dalam bidang formal dan dalam kalangan para elit bangsa Melayu, seperti yang tersebut di atas, makin hari makin ketara. Kekurangan buku 'pengajian tinggi' dalam bahasa

Melayu, kebangkitan bahasa Inggeris sebagai bahasa pengantar IPT di Malaysia, peminggiran bahasa Melayu disektor swasta, 'pencemaran bahasa Melayu' di television dan di tempat awam, ini semua sudah menjadi isu yang seolah-olah tidak terkawal lagi. Walau pun medium politik didapati membicarakan soal-soal pemeraksanaan bahasa, tetapi sejauh manakah keikhlasan mereka dalam hal ini. Namun siapalah kita yang dapat mengukur sifat 'kemunafikan' mereka dalam soal-soal perjuangan dan pendaulatan bahasa demi kepentingan tamadun bangsa.

KESIMPULAN

Setelah meneliti perbincangan tentang tajuk di atas, kesimpulannya kita sebagai bangsa Melayu di Malaysia janganlah bersikap angkuh terhadap kerabat bangsa Melayu yang lebih besar dan hanya dipisahkan oleh sempadan-sempadan palsu politik, dalam kita menghadapi cabaran kemunculan Era Kreasi pada awal abad ke-21 nanti. Sikap "Kita Melayu Malaysia", "Malaysia lain, Indonesia lain" dan seumpamanya, adalah membahayakan kuasa kompetitif bangsa Melayu di Malaysia sendiri. Statistik telah menunjukkan bahawa, untuk menjadi bangsa pencipta teknologi bertaraf dunia, bangsa itu mestilah mampu melatih sekurang-kurangnya 35 000 jurutera setahun, iaitu suatu angka yang hanya dapat dicapai apabila bangsa-bangsa Melayu yang bertebaran berfikir dan bekerja sebagai satu bangsa besar. Indonesia adalah negara ketiga paling banyak jumlah rakyatnya, iaitu selepas Cina dan Amerika. Indonesia lebih besar daripada Jepun. Bangsa Jepun mampu mengeluarkan 150 000 jurutera setahun, Korea 75 0000, Amerika 50 000, dan Jerman 40 000. Manakala kelompok Melayu di Malaysia pula tidak mampu melahirkan 35 000 jurutera setahun jika bersikap angkuh seperti sekarang, sekiranya ia

terus yakin bahawa Melayu Malaysia tidak memerlukan kerabat-kerabat Melayu lain. Dalam hal ini bangsa Melayu memerlukan kemunculan seorang tokoh pemimpin Melayu besar yang dapat mewujudkan penyatuan seluruh minda Melayu, terutama di dalam rantau segi tiga Malaysia, Indonesia, dan Mindanao. Dicadangkan supaya seorang tokoh pemimpin Melayu di Malaysia mewujudkan suatu Himpunan Saintis Melayu yang berpangkalan di Kuala Lumpur. Cadangan Penubuhan Universiti Melayu Sedunia, 1996, mestilah disokong dan diusahakann realisasinya. Dalam hal ini Malaysia telah pun menunjukkan komitmennya, seperti yang telah dilakukan oleh kumpulan saintis dari Malaysia yang telah menerokai kutub Utara baru-baru ini. Malah pencapaian terkini membuktikan bahawa saintis Malaysia sudah mampu menerokai ruang angkasa lepas sebagai seorang angkasawan yang mendapat pengiktirafan menurut spesifikasi dunia sebagaimana yang dinobatkan kepada Sheikh Muzafar Sheikh Shukor baru-baru ini.

Survival Melayu dapat diperkukuhkan lagi apabila jiwa besar bangsa Melayu dapat menggabungkan dirinya dengan kuasa minda bangsa bukan Melayu yang beragama Islam yang berjiran dengan rantau Melayu. Gabungan ini nanti akan dapat menyediakan bekalan tenaga profesional yang diperlukan untuk mencipta bangsa Melayu yang memiliki kuasa kompetitif. Pada tahun 1996 dibawah kepimpinan Habibie, Jakarta telah memulakan usaha untuk mewujudkan Himpunan Saintis Islam. Konsep ini mestilah disokong dengan komitmen yang kuat bagi merealisasikan kewujudannya.

Kegagalan strategi penggunaan bahasa-bahasa Perancis, Sepanyol, dan Inggeris sebagai alat bagi membangunkan daya kreasi dan kemajuan ilmu dalam kalangan bangsa-bangsa bekas tanah jajahan di seluruh benua Amerika Latin, Afrika, India dan di negara Filipina

hendaklah meyakinkan pemimpin-pemimpin politik Melayu di Malaysia hari ini bahawa keputusan kerajaan memartabatkan semula bahasa Inggeris sebagai bahasa pengantar sains dan teknologi dinegara ini tidak disokong oleh bukti-bukti statistik dan empirikal. Ianya adalah khayalan elit politik peribumi yang minda dan jiwanya sudah ditawan oleh bahasa dan budaya Barat. Kerajaan hendaklah membatalkan keputusan menjadikan bahasa Inggeris sebagai bahasa pengucapan intelektual negara ini. Kementerian pendidikan hendaklah menarik balik kebenaran yang diberikan kepada Universiti TNB, Petronas, dan Telekom untuk menggunakan bahasa Inggeris sebagai bahasa pengantarnya. Lagi pun dikhuatiri sekiranya 'barah' bahasa ini terus menular, akhirnya akan mengulangi lagi pengalaman getir seperti kejadian 13 Mei yang telah dialami sebelum ini. Sebagai penutup, izinkan saya mengakhiri kertas kerja ini dengan sebuah petikan daripada Za'ba.

Bahasa itu alat mengeluarkan fikiran supaya dapat diketahui orang dengan mendengar atau membacanya. Maka itu jika bahasa yang dipakai itu tidak menepati betul-betul seperti maksud yang di dalam hati, tentulah orang tersalah faham atau tiada dapat oleh mereka tujuan yang dikehendakkan itu.

Za'ba, Ilmu Mengarang Melayu, hal.2, 1965.

CADANGAN

Bagi menentukan keberkesanan dan kecekapan perancangan bahasa Melayu pada masa akan datang, khususnya dalam bidang pendidikan. Perancang bahasa perlulah berkebolehan menyelesaikan masalah linguistik bahasa Melayu yang ada hubungannya dengan pembinaan korpus bahasa, mereka juga perlu cekap dalam hal-hal mengurus atau mengendalikan segala macam dan jenis perubahan bahasa yang berlaku dalam masyarakat, di samping kebijaksanaannya membuat keputusan-keputusan perancangan

bahasa yang dapat diterima oleh pengguna bahasa. Mutu korpus bahasa penting dari segi kecekapan dan kecukupan bahasa Melayu sebagai alat ilmu dan alat komunikasi dalam pelbagai bidang kegiatan manusia terutamanya dalam bidang pendidikan, dan mutu korpus ini merupakan tanggungjawab utama perancang bahasa. Soal peluasan taraf atau fungsi bahasa Melayu amat bergantung pada mutu bahan bahasa yang dapat dibina dan dikembangkan oleh badan perancangan bahasa, terutama Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP), walaupun DBP sendiri perlu dan terpaksa menongkah arus dalam merealisasikan segala impian dan harapan untuk melihat kemunculan bahasa Melayu setanding dengan bahasa-bahasa dunia pada masa akan datang.

BIBLIOGRAFI

- Abang Patdeli Abang Muhi. (1994). "Paradigma Baru Dalam Pelaksanaan Bahasa." *Pelita Bahasa*. September 1994, 46-47.
- Ainon dan Abdullah (1993). *Teknik Berfikir*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors.
- Ainon dan Abdullah (1994). *Pemikiran Reka Cipta*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors.
- Ainon dan Abdullah (1995). *Kursus Berfikir Tinggi*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors.
- Ainon dan Abdullah (1996). *Berfikir Dalam Darjah*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors.
- Ainon dan Abdullah (1996) *Belajar Berfikir*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors.
- Ainon dan Abdullah (1997). *Menyelesaikan Masalah Secara Kreatif*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors.
- Ajid Che Kob. 1982. "Bahasa Melayu : Perjuangannya Yang Tidak Sudah-Sudah." *Jurnal Dewan Bahasa*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

- Asraf. (1958). "Ka-arrah Persatuan Ejaan Bahasa Melayu-Indonesia." *Jurnal Dewan Bahasa*, April 1958, 2.
- Hamel Gary and Prahalad C.K (1994). *Competing for The Future*. Boston: Harvard Business School.
- Hassan Ahmad, Datuk. (1988). "Perancangan Bahasa Melayu-Imbasan dan Harapan." *Jurnal Dewan Bahasa*. Kuala Lumpur: DBP, April 1988, 624-664
- H. Tabarani Rab. (1987). "Perkembangan Bahasa Melayu Sebagai Bahasa Ilmiah." *Jurnal Dewan Bahasa*, April 1987, 682-686.
- IRDAC (Industrial Research and Development Advisory Committee of the Commission of European Communities) and ERT (European Round Table of Industrialists) 1994. Laporan yang dibentangkan oleh Tuula Kauto-Koivula, Nokia, Finland.
- Lorriman John and Kenjo Takashi (1994). *Japan's Winning Margins*. Oxford: Boston: Oxford University Press.
- Mohd. Khusairi Hj, Abdullah. (1983). *Pelaksanaan Bahasa Melayu Sebagai Bahasa Pengantar Pelajaran*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Murakami T., and Nishikawa T. (1991). *Strategy for Creation* (terj.). Cambridge: Woodhead Publishing Ltd.,
- Nik Safiah Karim. (1984). *Peranan Pemerintah Dalam Pembinaan Bahasa Dan Kesusasteraan-Sumbangan Pemimpin-pemimpin Politik Di Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka.
- Yap Sin Tian. (2004). *Siri Kitab Klasik Cina & Pengurusan Moden*. Kuala Lumpur.
- Za'ba. (1965). *Ilmu Mengarang Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

KANDUNGAN

Kata Pengantar	iii
Kandungan	iv
Pendahuluan	1
Jenis-jenis kreasi	3
Membina daya kreasi cara barat	5
Membina daya kreasi cara Jepun	7
Kaitan antara budaya dengan daya kreasi bangsa	16
Cabaran era abad kreasi	20
Bahasa Melayu dan cabaran masa depan	23
Kesimpulan	25
Cadangan	27
Bibliografi	28

BIODATA



Dr. Muhammad Saiful Haq bin Hussin Pensyarah di Jabatan Bahasa Melayu, Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya. Memperoleh PhD dalam bidang Psikolinguistik. Berpengalaman sebagai penceramah bebas, tutor sambilan di Pusat Pembelajaran Lanjutan, Universiti Putra Malaysia dan Open Univesiti Malaysia. Beliau telah dilantik sebagai Timbalan Presiden Persatuan Psikolinguistik Malaysia (PERSIMA), Pengarah Operasi *Muslim Business Networking Foundation* (MBNF), sebagai ahli dalam Persatuan Bekas Wartawan Berita Harian Malaysia (PBWBHM), Persatuan Penulis Kelantan (PPK), Persatuan Senilukis Kelantan (PESENI) dan Persatuan Wartawan Melayu Kelantan (PWMK).

***FESTSCHRIFT PROFESOR EMERITUS DATO DR. NIK SAFIAH A. KARIM
(KENANGAN BUDI DAN JASA)***

Judul Esei :

***BAHASA MELAYU: KAITANNYA DENGAN BUDAYA DAN DAYA KREASI
BANGSA***

Nama Penulis :

MUHAMMAD SAIFUL HAQ BIN HUSSIN

Akademi Pengajian Melayu

Universiti Malaya
Kuala Lumpur

Tarikh :

01 November 2007

KATA PENGANTAR

Alhamdulillah, syukur kehadhrat Allah S.W.T kerana dengan izin dan limpah kurnia-Nya, dapat juga disempurnakan tugas penerbitan buku *Festschrift* Profesor Emeritus Dato Dr. Nik Safiah A. Karim (Kenangan Budi dan Jasa)

Tugas ini telah memberikan pendedahan dan pengalaman, tentang bagaimana hendak melihat dan mengimbas kembali perancangan Bahasa Melayu dalam bidang pendidikan yang menjadi tunjang serta menjiwai orang-orang Melayu sejak dahulu hingga sekarang. Terutama dalam proses pembinaan ketamadunannya. Secara tidak langsung ianya juga telah memberikan pendedahan dan keinsafan kepada saya untuk terus mendaulatkan bahasa Melayu sebagai bahasa yang setaraf dan setanding dengan bahasa-bahasa lain di dunia.

Justeru itu, ingin saya rakamkan jutaan penghargaan dan ribuan terima kasih kepada Dr. Indirawati @ Indrawati Zahid selaku Ketua Jabatan Bahasa Melayu, Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya kerana telah memberikan peluang untuk saya menghasilkan makalah yang tidak sepertinya ini. Segala ruang dan panduan serta tunjuk ajar yang diberikan amat berguna dalam usaha untuk menyiapkan tugas ini.

Semoga tugas yang dihasilkan ini, dapat memenuhi kehendak dan keperluan Jabatan Bahasa Melayu, Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya, di samping dapat memberi sedikit sebanyak manfaat kepada sesiapa sahaja yang membacanya nanti.

Sekian.

Dr. Muhammad Saiful Haq bin Hussin.
Jabatan Bahasa Melayu
Akademi Pengajian Melayu
Universiti Malaya
50603 Kuala Lumpur

E-Mel: ipil62@um.edu.my